

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kedudukan terkini ranking Universiti-universiti Awam (UA) menerusi penarafan QS World University Rankings dan Times Higher Education.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan *QS World University Rankings 2021* (QS-WUR 2021) yang dikeluarkan pada 10 Jun 2020, Universiti Malaya (UM) telah melonjak ke kedudukan 59 universiti terbaik di dunia berbanding di tangga ke-70 pada tahun lepas. Buat julung-julung kalinya, UM dan empat (4) buah Universiti Penyelidikan Malaysia yang lain juga telah berjaya menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan dan disenaraikan dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

Empat (4) universiti selain UM yang berada dalam kedudukan, dengan izin *top one (1) percent universities in the world* ialah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang melonjak ke kedudukan ke-132 berbanding di kedudukan ke-159 pada tahun 2020; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tempat ke-141 (pada tahun 2020 di tempat ke-160); Universiti Sains Malaysia (USM) di posisi ke-142 berbanding pada tahun 2020 di

posisi ke-165; dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di tangga ke-187 (pada tahun 2020 di tangga ke-217).

Sebanyak tujuh (7) buah universiti awam juga berjaya disenaraikan dalam senarai *top 1,000 universities in the world* oleh *QS World University Rankings 2021*, iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Islam Antarabangsa (UIAM); Universiti Teknologi MARA (UiTM); Universiti Malaysia Pahang (UMP); Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Universiti Malaysia Perlis (UniMAP); dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Berdasarkan laporan Times Higher Education World University Rankings 2021 (THE-WUR 2021) yang dikeluarkan pada 2 September 2020 pula, UM kekal di antara kedudukan ke-301 hingga ke-350. Lima (5) buah universiti awam yang lain juga tidak berubah kedudukannya berbanding laporan THE-WUR 2020, iaitu kekal di antara tangga ke-601 hingga tangga ke-800, iaitu UKM, UPM, USM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan UUM. Sementara itu, empat (4) buah universiti awam yang lain pula berada dalam kedudukan ke 1,001 dan ke atas, iaitu UniMAP, UNIMAS, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan UiTM.

Kejayaan ini merupakan pencapaian terbaik negara setakat ini dan membuktikan bahawa hala tuju pendidikan tinggi negara berada di landasan yang betul dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi yang berkualiti dan cemerlang sejajar dengan matlamat Lonjakan ke-8 (Keunggulan Global – *Global Prominence*) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), PPPM(PT). Kejayaan ini juga berupaya meningkatkan lagi jalinan kerjasama universiti awam dengan penyelidik terkemuka dunia, di samping dapat memperkukuh lagi peranan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi di rantau ini.

Sekian, terima kasih.